**NO SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KE-14**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]** |
| **TARIKH** | **:** | **10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang dan liabiliti lain (secara berasingan) Kerajaan pada akhir tahun 2017, 2018, 2019, pada akhir bulan Februari 2020 dan jumlah pada masa terkini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Selain daripada hutang Kerajaan Persekutuan, Kerajaan juga menanggung komitmen lain termasuk komitmen jaminan iaitu tanggungan hutang syarikat berkaitan Kerajaan untuk pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dan utiliti awam, hutang syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) serta liabiliti kewangan lain yang meliputi projek kerjasama awam swasta (PPP) dan projek di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan PBLT Sdn. Bhd. Dengan mengambil kira kesemua tanggungan ini, secara keseluruhannya pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan dianggarkan berjumlah RM1,257 bilion.

Sekian, terima kasih.